SOALAN NO : 10

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**TUAN CHAN FOONG HIN** **[KOTA KINABALU]**
TARIKH	**:**	**29 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

SOALAN

TUAN CHAN FOONG HIN [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pengedaran 150,000 unit komputer riba yang diluluskan dalam Belanjawan 2021, terutamanya di Sabah. Adakah Kementerian akan menambah lagi pengedaran komputer riba bagi memudahkan pelaksanaan program Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

SOALAN NO : 10

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Belanjawan 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) bertujuan menyediakan peranti digital dan pelan data kepada murid B40 yang dikenal pasti.

Yayasan Hasanah menguruskan sumbangan peranti digital termasuk pelan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaras penghantaran peranti berkenaan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Peranti digital yang diterima oleh KPM akan terus diagihkan kepada murid B40 yang telah dikenal pasti. Sehingga 26 September 2021, sebanyak 116,736 unit peranti digital telah diserahkan kepada murid B40 di 955 sekolah seluruh negara. Manakala, 18,770 unit telah diterima daripada Yayasan Hasanah dan akan diagihkan kepada murid dalam masa terdekat. Baki 14,494 unit lagi akan diagihkan sebaik sahaja diterima daripada Yayasan Hasanah.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 13,458 unit peranti digital telah diagihkan kepada murid B40 di Sabah di 97 buah sekolah.